

# Cari rezeki atau tempah maut?

Oleh NURAINA HANIS  
ABD. HALIM  
utusannews@utusan.com.my

**PETALING JAYA:** Langgar lampu isyarat, guna telefon bimbit dan berhenti di petak kuning antara kesalahan didakwa kerap dilakukan segelintir penunggang motosikal perkhidmatan penghantaran barangan dan makanan (*p-hailing*).

Ada juga kumpulan itu menunggang motosikal secara berbahaya sehingga merisikokan pengguna jalan lain kerana mengejar *trip* dan memastikan pesanan sampai ikut masa.

Itu sebahagian tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa lokasi di Lembah Klang hampir sebulan mengenai sikap pemandu *p-hailing*.

Mengikut data polis, sebanyak 250 kemalangan melibatkan penunggang *p-hailing* direkodkan sejak 2019 hingga April lalu.

Daripada jumlah itu, 38 kes melibatkan kematian, 31 cedera parah manakala 181 cedera ringan.

Baru-baru ini tular aksi seorang penunggang *p-hailing* yang mengeluarkan kata-kata kesat serta menendang cermin sisi sebuah kenderaan akibat tidak berpuas hati dihon selepas tindakannya melanggar cermin sisi kereta tersebut.

Isu itu bukan baharu, bahkan ramai turut meluahkan pengalaman menjadi mangsa sesetengah penunggang *p-hailing* yang bukan sahaja disifatkan seperti menempah maut.

Pengerusi Pertubuhan Ika-



**ANTARA** gelagat penunggang *p-hailing* menggunakan telefon bimbit semasa menunggang motosikal sekali gus membahayakan nyawa sendiri dan mungkin juga orang lain yang dirakam di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

tan Komuniti Selamat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, majikan perlu memastikan penunggang *p-hailing* mengutamakan keselamatan bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Bagaimanapun, katanya, penunggang perlu menjaga diri sendiri dan pengguna jalan lain.

“Saya pernah nampak beberapa penunggang motosikal *p-hailing* melanggar lampu isyarat dan menunggang melebihi had laju. Kita faham kadangkala mereka kejar *trip* malah

perlu mengikut jadual vendor bagi menghantar pesanan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Lam Thye berkata, pengendali operasi perlu membuat saringan latar belakang pekerja *p-hailing* bagi memastikan setiap individu yang mendaftar tiada kesalahan trafik atau jenayah lain.

Menurut beliau, usaha itu harus dilakukan agar pengendali operasi tidak semberono dalam mengambil pekerja

perkhidmatan mereka.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Madya Dr Law Teik Hua berkata, perkara ini sudah lama diperdebatkan kerana semakin ramai yang mencari rezeki dengan menyertai *p-hailing* ketika pandemik Covid-19.

Katanya, data-data jelas menunjukkan penunggang motosikal termasuk penunggang motosikal *p-hailing* antara penyumbang kesalahan jalan raya terbesar.

Bagaimanapun, menurut beliau, majikan kena membantu pekerja mereka dengan meningkatkan kadar kebolehnampakan penunggang *p-hailing* di jalan.

“Biasanya, kita berhati-hati kepada kenderaan besar seperti lori dan trak. Justeru, pengendali operasi perlu menyediakan kotak penyimpanan barang *p-hailing* yang boleh menarik perhatian orang lain,” katanya.

Pada 9 April lalu, media melaporkan kajian pemerhatian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) melalui kamera litar tertutup (CCTV) mendapati 70 peratus penunggang *p-hailing* menunjukkan tingkah laku berisiko pada waktu puncak.

Kira-kira 57 peratus didapati berhenti di petak kuning, melanggar lampu merah (16 peratus), menggunakan telefon mudah alih ketika menunggang (15 peratus), menunggang lawan arus (tujuh peratus) dan membuat pusingan U secara haram lima peratus.